Persatuan nelayan tarik nafas lega

TONGKAH - Persatuan Nelayan Kuala Langat menarik nafas lega apabila operasi korek pasir di tengah laut di Sungai Langat dihentikan.

Pengerusinya, Md Jaman Harris berkata, kebanyakan nelayan memaklumkan sudah tidak nampak operasi tersebut dijalankan.

Bagaimanapun katanya, tidak mustahil aktiviti itu boleh beroperasi semula sekiranya tiada pemantauan.

"Memang sebelum ini perbincangan diadakan dengan penguatkuasaan pejabat daerah dan pihak berkenaan bersetuju memanjangkan aduan nelayan kepada pihak yang terlibat.

"Apapun nelayan masih tetap bimbang jika aktiviti dihentikan sementara itu berulang semula," katanya.

Md Jaman berkata, dia berharap selepas ini semua pihak akan dapat bekerjasama memastikan lesen yang dipohon pihak terlibat tidak diluluskan sewenang-wenangnya.

Katanya, jika ianya berlaku rakyat terpaksa berdepan pelbagai masalah termasuk kemerosotan hasil tangkapan ikan sekaligus menjejaskan pendapatan golongan berkenaan.

"Apa yang penting melalui pemerhatian nelayan jugalah masalah ini diketahui umum kalau tak memang tak ada siapa pun ambil tahu.

"Akibatnya pihak tersebut mengaut keuntungan berlipat kali ganda dan pendapatan nelayan terjejas," katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* pernah melaporkan kira-kira 300 hingga 400 nelayan mendakwa mengalami kerugian teruk berikutan aktiviti korek pasir.

Nelayan di Kuala Langat kecewa

Aktiviti korek pasir laut di perairan pantai sejak tiga bulan lalu jejas pendapatan

TONGKAH - Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Langat meminta pihak bertanggungjawab memantau aktiviti kerja pengorekan pasir laut di perairan pantai Kuala Langat yang dipercayai aktif sejak tiga bulan lalu.

Pengerusinya, Mohd Jaman Haris berkata, beliau kecewa apabila kira-kira 300 hingga 400 orang nelayan [illegible] aktiviti itu baga pengarah telah mengambil keputusan untuk memohon kerajaan persekutuan melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya menghentikan aktiviti pengorekan dan penghantaran pasir laut di perairan dan muara Sungai Langat dengan segera.

"Berdasarkan kepada beberapa kelulusan kawasan yang diluluskan kepada syarikat berkenaan adalah di ka-

makin sibuk dan sempit selain berdepan risiko kemalangan dan kerosakan peralatan nelayan kerana kemerosotan hasil tangkapan.

"Hasil tinjauan nelayan ke laut mendapati penggunaan enam buah kapal sedut pasir dan pentun mengangkut pasir beroperasi di kawasan tersebut menjadikan kawasan itu menjadi sempit dan sibuk," katanya.

Kebanyakan nelayan [illegible] maklumkan terpaksa

Laporan Sinar Harian 12 Julai lalu.